

Pengusaha ikan terjejas

Sinar Harian 19/8/2019 M/S 34

**Taufan Lekima
menyebabkan lebih
800 tan metrik
ikan mati**

MOHD ISKANDAR OTHMAN

NIBONG TEBAL

Seramai 152 pengusaha ternakan ikan dalam sangkar di negeri ini terjejas akibat taufan Lekima pada 9 Ogos lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, lebih 800 tan metrik ikan mati dengan nilai kerugian kira-kira RM29 juta.

Menurutnya, antara kawasan paling terjejas ialah di Sungai Udang apabila hampir keseluruhan sangkar ikan yang diusahakan 141 penternak rosak.

"Tinjauan mendapati kerosakan serius infrastruktur dan peralatan.



Tze Tzin (kanan) ketika meninjau keadaan sangkar ikan yang rosak selepas kejadian Taufan Lekima yang melanda negeri itu pada 9 Ogos lalu.

Kerugian dianggarkan berjumlah RM25 juta selepas lebih 700 tan metrik ikan terlepas dari sangkar.

"Turut terkesan pengusaha ikan dalam sangkar di Teluk Bahang membabitkan enam pengusaha. Ikan mati kerana perubahan arus laut yang membawa

bersama nutrien dan partikel terampai serta paras oksigen rendah," katanya pada sidang media selepas membuat tinjauan di kawasan ternakan sangkar ikan di Sungai Udang semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Nor

Jumlah ikan mati

Sungai udang
700
tan metrik

Teluk Bahang
96
tan metrik

Pantai Jerejak
1
tan metrik

Aisyah Abu Bakar dan wakil Persatuan Penternak Ikan Dalam Sangkar Sungai Udang, Daerah Seberang Perai Selatan.

Tze Tzin berkata, anggaran kematian ikan di Teluk Bahang sebanyak 96 tan metrik dengan nilai RM3.55 juta.

Sementara itu katanya, seramai tiga pengusaha terjejas di Pantai Jerejak akibat kerosakan infrastruktur sangkar selain

mengakibatkan satu tan metrik ikan terlepas dengan anggaran kerugian RM68,000.

Katanya, satu laporan terperinci akan dibuat berhubung kerugian dialami petani, penternak serta nelayan akibat bencana itu bagi memastikan bantuan sesuai diberikan.

Beliau turut mengesyorkan pengusaha ternakan ikan sangkar tidak lagi menggunakan kaedah lama dalam usaha membangunkan semula sangkar ikan mereka.

Tambahnya, penggunaan sangkar ikan berteknologi baharu atau High-Density Polyethylene (HDPE) boleh menampung, menahan ombak besar dan ribut selain mempunyai teknologi pemantauan yang canggih.

Katanya, kementeriaannya akan memberi dua sangkar moden itu kepada Persatuan Penternak Ikan Dalam Sangkar di Sungai Udang sebagai projek perintis ke arah usaha mengubah kaedah penternakan ikan dalam sangkar.